



## MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Takzim atau Warganegara Malaysia yang telah bermastautin di Johor selama 5 tahun atau lebih yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Daerah Simpang Renggam.

#### A. NAMA JAWATAN

Bil	Jawatan dan Gred	Kumpulan Perkhidmatan	Taraf Jawatan	Kekosongan	Jadual Gaji (Minimum-Maksimum)
1	Penolong Pegawai Tadbir Gred N5	Pelaksana	Kontrak (Interim)	1	RM1650.00 - RM6620.00
2	Penolong Akauntan Gred W5	Pelaksana	Kontrak (Interim)	1	RM1650.00 - RM6620.00
3	Pembantu Khidmat Am Gred H1	Pelaksana	Kontrak (Interim)	2	RM1500.00- RM4680.00

#### CARA MEMOHON :

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my>.
2. Untuk keterangan lebih lanjut berkaitan **SYARAT LANTIKAN DAN BORANG PERMOHONAN** boleh didapati di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my> atau menghubungi talian 07-7551300 (Jabatan Khidmat Pengurusan).
3. Tarikh tutup permohonan **28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)** sebelum atau pada jam 12.00 tengahari.



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM  
KOMPLEKS PENTADBIRAN  
JALAN PERSIARAN MUAFAKAT  
86200 SIMPANG RENGAM  
JOHOR DARUL TA'ZIM.  
TEL: 07-7551300**

**Fax : 07-7551302 , Email : [info@mdsrenggam.gov.my](mailto:info@mdsrenggam.gov.my)**

**Laman Web: [www.mdsrenggam.gov.my](http://www.mdsrenggam.gov.my)**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Takzim atau Warganegara Malaysia yang telah bermastautin di Johor selama 5 tahun atau lebih yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **JAWATAN KONTRAK (INTERIM)** di Majlis Daerah Simpang Renggam.

**A. NAMA JAWATAN**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan dan Gred</b>	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>Taraf Jawatan</b>	<b>Kekosongan</b>
1	Penolong Pegawai Tadbir N5	Pelaksana	Kontrak (Interim)	1
2	Penolong Akauntan W5	Pelaksana	Kontrak (Interim)	1
3	Pembantu Khidmat Am H1	Pelaksana	Kontrak (Interim)	2



## 1. PENOLONG PEGAWAI TADBIR

- (a) Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Tadbir  
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan  
(d) Gred Jawatan : N5

### JADUAL GAJI

**Jadual Gaji**

<b>Minimum</b>	RM1,650.00
<b>Maksimum</b>	RM6,620.00
<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>	RM 145.00
<b>Elaun Tetap Perumahan</b>	RM 300.00
<b>Elaun Tetap Khidmat Awam</b>	RM160.00

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5:RM1,650.00); atau
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5:RM1,650.00); atau
  - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5:RM1,650.00); atau
  - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5:RM1,893.00).



- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan) atau Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N1 dan Gred N2 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN 4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN 5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
N6

6. Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 yang kosong apabila telah :
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
N7

7. Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N7 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
N8

8. Penolong Pegawai Tadbir Gred N7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N8 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

SYARAT PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI TADBIR GRED N9

9. Penolong Pegawai Tadbir yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

TARAF JAWATAN

10. **KONTRAK (INTERIM)**



## 2. PENOLONG AKAUNTAN

- (a) Skim Perkhidmatan : Penolong Akauntan  
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan  
(d) Gred Jawatan : W5

### JADUAL GAJI

Jadual Gaji

Minimum	RM1,650.00
Maksimum	RM6,620.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 145.00
Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
Elaun Tetap Khidmat Awam	RM160.00

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) (i) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5:RM1,650.00); atau
  - (ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.  

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5:RM1,650.00); atau
  - (iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5:RM1,893.00); atau

*Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya



(Gaji permulaan ialah pada Gred W5:RM2,136.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

(b) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(d) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(e) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/  
Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
W6

6. Penolong Akauntan Gred W5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W6 yang kosong apabila telah :

- (d) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
W7

7. Penolong Akauntan Gred W6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W7 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
W8

8. Penolong Akauntan Gred W7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W8 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

SYARAT PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
AKAUNTAN GRED WA9

9. Penolong Akauntan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

TARAF JAWATAN

10. **KONTRAK (INTERIM)**





### 3. PEMBANTU KHIDMAT AM

- (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Khidmat Am  
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran  
(d) Gred Jawatan : H1

#### JADUAL GAJI

**Jadual Gaji**

<b>Minimum</b>	RM1,500.00
<b>Maksimum</b>	RM4,680.00
<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>	RM 100.00
<b>Elaun Tetap Perumahan</b>	RM 300.00
<b>Elaun Tetap Khidmat Awam</b>	RM115.00

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,500.00); atau
  - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,500.00); atau
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,561.00); atau
  - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,622.00)

- dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b).

**Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)**

- (b) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)) dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
- (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/StimEnjin) Gred 2 mengikut manayang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta boleh mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- (v) Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN 3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN 4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :  
 (a) memenuhi tempoh percubaan;  
 (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  
 (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED H2 5. Pembantu Khidmat Am Gred H1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Khidmat Am Gred H2 yang kosong apabila telah :  
 (g) disahkan dalam perkhidmatan;  
 (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  
 (g) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan mengikut bidang tugas yang akan dijalankan; dan  
 (h) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED H3 6. Pembantu Khidmat Am Gred H2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Khidmat Am Gred H3 yang kosong apabila telah:  
 (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  
 (h) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan mengikut bidang tugas yang akan dijalankan; dan  
 (i) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan



KENAIKAN PANGKAT KE GRED  
H4

7. Pembantu Khidmat Am Gred H3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Khidmat Am Gred H4 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan mengikut bidang tugas yang akan dijalankan; dan
  - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

TARAF JAWATAN

8. **KONTRAK (INTERIM)**

**CARA MEMOHON :**

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my>.
2. Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam/Pihak Berkuasa Tempatan /Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan,Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 Peraturan 18 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan Terkini;

Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM,  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
**(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA),**  
ARAS 3, KOMPLEKS PENTADBIRAN  
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM,  
JALAN PERSIARAN MUAFAKAT,  
86200 SIMPANG RENGAM,  
JOHOR.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 FEBRUARI 2025**

*(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)*


3. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan:
  - i. salinan kad pengenalan yang telah disahkan
  - ii. salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
  - iii. salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
  - iv. 1 keping gambar terbaru berukuran passport
  - v. lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari Gred 9 dan ke atas.
4. Pemohon juga hendaklah menyediakan '**video resume**' sebagaimana berikut :  
(Bagi jawatan 1-2)
  - 4.1. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
  - 4.2. Menggunakan suara pemohon sebenar
  - 4.3. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :
    - 4.3.1. Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
    - 4.3.2. Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
    - 4.3.3. Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
    - 4.3.4. Pekerja/aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
    - 4.3.5 Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
    - 4.3.6. Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
    - 4.3.7. Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'.
    - 4.3.8. Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
    - 4.3.9. Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
    - 4.3.10. Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon.
5. Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
6. Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat [info@mdsrenggam.gov.my](mailto:info@mdsrenggam.gov.my)
7. Pemohon hendaklah menyertakan transkrip keputusan setiap semester dan juga salinan diploma berkaitan.
8. Pemohon yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan akan ditolak
9. Semua dokumen perlu disahkan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional gred 9 dan keatas sahaja.
10. Pemohon yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan atau tidak lengkap akan **DITOLAK**.

Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.

**“KLUANG MAJU SIMPANG RENGAM SEJAHTERA”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah ,



**(MOHD FA'IZ BIN SALEHON)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Simpang Renggam

*MFL/ros ( iklanjawatansemua Dis 24)*